

23 SEP 2003

Mahathir-Persson (Bergambar)

M'SIA RAKAN YANG MENARIK, KATA PM SWEDEN

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Sweden Goran Persson hari ini berkata Malaysia akan menjadi "rakan yang sangat menarik" dalam perbincangan mengenai isu-isu antarabangsa lantaran kedudukannya di pentas antarabangsa.

Katanya, selaku pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) tidak lama lagi, Malaysia akan memainkan peranan penting dalam rundingan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Bercakap pada sidang media bersama dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas jamuan tengah hari bagi meraikan rakan sejawatnya itu, Persson berkata walaupun "kita tidak sentiasa sama pendapat tetapi dalam kebanyakan perkara terutama isu antarabangsa, kita bersetuju antara satu sama lain."

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana meluangkan masa melawat Sweden sebelum bersara bulan depan.

"Saya menghargai beliau yang meluangkan masa melawat Sweden kerana kita mempunyai kerjasama yang erat. Banyak syarikat Swedish melabur di Malaysia dan beberapa projek lain sedang dalam perancangan," katanya.

Dr Mahathir sementara itu memberitahu pemberita bahawa walaupun beliau akan bersara lebih sebulan lagi, "Saya percaya lawatan ke Sweden akan membuahkan hasil bagi masa depan Malaysia."

Katanya, Malaysia melihat Sweden sebagai sumber pelaburan khususnya dalam bidang teknologi tinggi.

"Kita diberi jaminan bahawa minat Sweden terhadap Malaysia akan berterusan," kata Dr Mahathir yang melakukan lawatan itu atas jemputan Persson.

Dr Mahathir berkata perbincangan dua hala pada mesyuarat delegasi begitu berhasil dan "Saya boleh mengharapkan mulai sekarang akan ada peningkatan minat Sweden terhadap Malaysia."

Dr Mahathir hari ini turut menghadap King Carl XVI Gustaf di Istana Diraja Sweden.

Ketibaan Perdana Menteri disambut Pegawai Utama Istana Johan Fischerstorm dan Dr Mahathir berjumpa kira-kira 30 minit dengan Raja Sweden itu yang pernah melawat Malaysia pada 1996.

King Carl XVI Gustaf dalam lawatannya ke Malaysia turut melawat Lembah Danum iaitu kawasan pemuliharaan hutan hujan tropika terkenal di Lahad Datu, Sabah.

Istana yang dibina penghujung abad ke-17 itu adalah kediaman rasmi Raja Sweden, ia turut menempatkan Muzium Antikuiti Gustav III.

-- BERNAMA

JS SR MOZ